

28/09/2003

Langkawi pusat daftar bot, kapal layar mewah antarabangsa

Manja Ismail

MONTE CARLO (Monaco): Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad melancarkan satu lagi tarikan terbaru Malaysia kepada masyarakat antarabangsa, Langkawi Yacht Registration bagi mengendalikan pendaftaran bot dan kapal layar mewah di seluruh dunia.

Pelancaran awal pusat itu dibuat di Pertunjukan Kapal Layar Monaco sempena lawatan kerja dua harinya ke sini, petang kelmarin. Pelancaran rasmi pusat itu diadakan sempena Pameran Udara dan Maritim Antarabangsa Langkawi 2003 (Lima `03) di Langkawi, bermula Selasa ini.

Langkawi Yacht Registration adalah usaha sama antara firma tempatan dengan sebuah syarikat antarabangsa yang berpengalaman dalam bidang itu, terutama untuk mengendalikan pusat pendaftaran bot dan kapal layar mewah di Kepulauan Hindia Barat.

Nama kedua-dua syarikat itu dan butiran terperinci mengenai pusat berkenaan akan diumumkan pada hari pelancaran rasmi nanti.

Berucap dari atas bot mewah 'Sweet Doll' kepada pengunjung pameran itu yang terdiri daripada pengeluar, pemilik dan peminat kapal layar, Dr Mahathir, berkata Langkawi sesuai sebagai pusat pendaftaran berkenaan kerana mempunyai mempunyai marina yang menawarkan pelbagai kemudahan setanding dengan bandar peranginan di Mediterranean.

Perdana Menteri berkata, selain itu, keunikan Langkawi dan Malaysia sendiri yang mempunyai rakyat pelbagai kaum dan budaya serta cuaca panas sepanjang tahun, memberi nilai tambahan kepada pengeluar dan pemilik kapal layar yang mendaftar dan berlabuh di sana.

"Kami sedang menggalakkan hobi kapal layar di Malaysia. Kita sudah pun membina beberapa marina dan kini kita mempunyai kemudahan mendaftar bot dan kapal layar mewah di seluruh dunia.

"Kepada pembuat kapal layar yang mahu mendaftarkannya, Langkawi Yacht Registration adalah unik kerana ia khusus untuk kapal jenis itu saja dan tidak mendaftar kapal biasa.

"Saya yakin mereka yang mengendalikannya yang sudah mempunyai banyak pengalaman dalam bidang ini akan memberi perkhidmatan terbaik," katanya.

Dr Mahathir memberi jaminan bahawa Malaysia adalah selamat kepada rakyat asing dan pelancong walaupun beberapa negara menyatakan sebaliknya dalam nasihat perjalanan kepada rakyat mereka.

Walaupun ada laporan mengenai serangan lanun di Selat Melaka, beliau berkata, Malaysia sentiasa memastikan kapal-kapal yang melalui kawasan perairannya selamat dan dilindungi.

Malaysia, katanya, mempunyai sistem radar yang mampu mengesan semua kapal yang melalui perairan di Selat Melaka, manakala pihak berkuasa laut sentiasa membuat rondaan bot laju.

Sempena majlis itu, persembahan seni silat gayung oleh sekumpulan pemuda Perancis dari Paris dan tarian endang oleh rakyat Malaysia yang menetap di Eropah turut diadakan untuk menarik perhatian pengunjung pameran itu, selain mempromosi kebudayaan Malaysia.

Pagi ini, Perdana Menteri menyambung lawatannya ke pertunjukan kapal layar itu, acara antarabangsa tahunan yang menjadi tarikan utama di sini, selain perlumbaan Formula One (F1) di kota peranginan terkemuka ini.